

# PM: Usah mudah terima golongan dakwa ulama

UMMAH 1 JULAI 2007

**P**UTRAJAYA 10 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam agar tidak menerima bulat-bulat sesiapa sahaja yang mendakwa dirinya ulama kerana kerap-kali golongan ini berpura-pura untuk kepentingan peribadi mereka.

Beliau berkata, sementara ulama berperanan penting dalam membimbing umat ke jalan yang betul, pada masa yang sama adalah mustahak untuk tidak menganggap semua mereka adalah ulama tulen.

Menurutnya, golongan itu mengelirukan umat Islam sehingga selalunya amalan mereka amat sukar dianggap sebagai Islamik, malah kebanyakan kumpulan serpihan Islam wujud disebabkan ulama palsu tersebut.

"Hati ini gelaran ulama digunakan secara sembarangan (sebrono). Sesiapa pun boleh mendakwa dirinya sebagai ulama, pewaris nabi, yang layak membuat sebarang tafsiran atau fatwa mengenai Islam.

"Mereka selalunya mempunyai pengikut yang bersikap fanatik dan ini menyebabkan umat Islam menjadi semakin berpecah-belah," katanya ketika berucap merasmikan Multatqa Ulama Sedunia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, memandangkan ulama adalah pewaris nabi, golongan ini amat berkuasa dan perkataan mereka dianggap benar dan jarang sekali dipertikaikan.

Bagaimanapun mengikut sejarah, tegas Dr. Mahathir, ulama agung adalah mereka yang benar-benar berilmu dan hanya mahu melihat Islam ditafsirkan secara betul.

Malangnya, kata beliau, sejeurus selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w muncul politik Islam termasuk puak Khawarij dan Bani Umayyah yang mempunyai tafsiran masing-masing mengenai Islam sehingga sanggup berperang sesama sendiri.

## Politik Islam

"Politik Islam ialah mengenai penggunaan Islam untuk kepentingan politik. Dengan adanya demokrasi, golongan yang mempolitikkan Islam menjadi semakin ketara.

"Kerap kali mereka membuat tafsiran yang salah mengenai Islam untuk mewajarkan dan menyokong agenda politik mereka.

"Golongan yang mempolitikkan Islam ini sanggup mengkafirkan dan menjatuhkan hukuman neraka kepada sesiapa yang tidak menyokong parti politik mereka.

"Ini menakutkan ramai orang yang jahil hingga bertindak menyokong mereka. Ini mendorong penyokong bertindak fanatik sehingga sanggup menerima tafsiran salah yang begitu ketara oleh pemimpin mereka.

"Apabila pemimpin politik Islam iaitu ulama palsu ini menyatakan Allah mencarut, Allah adalah samseng dan pembuli, mereka

sanggup percaya bahawa Allah, Tuhan Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang, adalah samseng dan pembuli.

"Sedangkan orang lain mentafsirkan Al-Mutaqabir dengan cara yang berbeza iaitu Allah Maha Besar, pemilik segala kebesaran. Bahasa pasar tidak boleh digunakan kepada Allahu Akhbar," katanya.

Dr. Mahathir mengingatkan, ulama berkaliber yang mengaku diri mereka Imam Mahadi akan muncul dari semasa ke semasa kononnya untuk menyelamatkan ummah tetapi seperti biasa, dakwaan mereka terbukti palsu.

Justeru kata Perdana Menteri, amat perlu bagi umat Islam meneliti secara kritikal ajaran ulama silam dan sekarang supaya mereka tidak terus terkeliru dengan pelbagai tafsiran dan berpecah-belah, khususnya untuk menghadapi perubahan besar yang berlaku selepas 1,400 tahun kedatangan Islam.

"Perpaduan dan persaudaraan dituntut dalam Islam, tetapi perbezaan ajaran dan tafsiran menghalang perpaduan dan banyak umat Islam yang menolak persaudaraan sesama Islam kecuali mereka daripada kumpulan, puak atau parti politik yang sama.

"Perbezaan dalam Islam adalah sihat dan dibenarkan namun pastinya bukan sehingga menuduh yang lain tidak beragama, kafir dan melancarkan perang sesama sendiri, bersekolong dengan bukan Islam untuk menentang umat Islam lain," tegasnya.